

**UCAPAN PERASMIAN**

**OLEH**

**MENTERI KERJA RAYA**

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NATA LINGGI**

**KERJASAMA TVET CIDB MALAYSIA DENGAN PEMAIN INDUSTRI**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI**

**ANTARA CIDB HOLDINGS SDN BHD DAN MALAYSIAN**

**RESOURCES CORPORATION BERHAD (MRCB)**

**7 JUN 2023**

**DI SUNWAY PUTRA HOTEL**

---

Salutations to be provided on event day.

Pegawai-pegawai kanan CIDB Malaysia, CIDB Holdings Sdn Bhd dan MRCB,

Rakan-rakan media,

Selamat Pagi, Salam sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani,

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada CIDB dan MRCB di atas persetujuan bekerjasama di dalam pembangunan program latihan TVET atau Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional di dalam sektor pembinaan. Besar harapan saya supaya kerjasama yang bakal dimeterai pada hari ini akan memberi hasil yang terbaik dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan-graduan

TVET, khasnya daripada pusat latihan yang dikelolakan oleh CIDB iaitu Akademi Binaan Malaysia (ABM).

2. MoU yang bakal kita saksikan pada hari ini merupakan satu detik penting di dalam pembangunan industri pembinaan negara ke arah merealisasikan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan institut latihan TVET menerusi penglibatan terus pemain industri.

Para hadirin sekalian,

3. TVET atau Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional merupakan penggerak penting di dalam usaha Malaysia dalam mencapai status negara maju.
4. Dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan menerusi program TVET, kita bukan saja menyediakan belia untuk pasaran kerja, tetapi juga modal insan bagi pembangunan dan kemajuan negara di peringkat tempatan serta global.
5. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu tunjang utama yang memainkan peranan signifikan dalam mentransformasikan Malaysia kepada negara maju dan berpendapatan tinggi.
6. Industri pembinaan merupakan antara penyumbang terpenting pertumbuhan ekonomi serta pembangunan negara. Tenaga kerja berkemahiran yang dilatih di dalam program-program TVET akan dapat membantu negara dalam memenuhi keperluan projek-projek

infrastruktur, pembinaan bangunan kediaman serta komersial dan pelbagai aktiviti pembinaan yang lain. Peningkatan tenaga kerja berkemahiran bukan sahaja memainkan peranan penting di dalam perkembangan industri pembinaan, malah ia juga dapat menarik pelaburan asing, sekaligus meningkatkan peluang pekerjaan di dalam negara.

## Rancangan Malaysia ke-12

7. Rancangan Malaysia ke 12 (2021-2025) menekankan bahawa **pembangunkan bakat masa hadapan** merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara yang memerlukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi. Justeru, Ekosistem TVET perlu diperkuuh supaya negara dapat menangani beberapa isu sosio ekonomi penting termasuk:
  - a. Kebergantungan kepada pekerja asing,
  - b. Pampasan Pekerja yang rendah; serta
  - c. Pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia.
8. Oleh yang demikian kesemua institusi latihan TVET perlu memastikan kebolehpasaran pelatih yang dikeluarkan. Ini hanya boleh dicapai dengan kerjasama industri dalam memastikan jenis kemahiran serta standard kemahiran yang dilatih di institusi berkenaan menepati keperluan industri.
9. Disebabkan keperluan industri yang senantiasa berkembang, kita perlu menyesuaikan latihan-latihan kemahiran dengan mengadaptasi penggunaan teknologi terkini. Ini selari dengan

strategi yang telah ditetapkan di dalam Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030.

## **Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030**

Para Hadirin sekalian,

10. Dalam usaha meningkatkan produktiviti industri pembinaan, Dasar Pembinaan Negara atau National Construction Policy (NCP) 2030, meletakkan transformasi institusi latihan TVET sebagai salah satu strategi dalam menyediakan bekalan tenaga kerja binaan yang berilmu dan berkemahiran tinggi.
11. Terdapat empat strategi yang digariskan untuk meningkatkan produktiviti sektor pembinaan, iaitu:
  - a. Memperkenalkan dan menyelaras semula modul latihan TVET Pembinaan mengikut keperluan industri
  - b. Meningkatkan dan mendigitalkan proses di sepanjang rantaian nilai sektor pembinaan
  - c. Meningkatkan latihan dan melatih semula tenaga kerja dan meingkatkan jumlah tenaga kerja yang diakreditasi
  - d. Menggunakan teknologi baharu dalam meningkatkan produktiviti pembinaan

## **Bajet 2023**

12. Dalam menyokong strategi ini, pendekatan bajet 2023 telah menekankan kepentingan memperkasakan kerjasama awam swasta dalam memacu pertumbuhan ekonomi secara melabur dan menjana

pekerjaan. Antara kerjasama yang ditekankan adalah kerjasama industri dalam perlaksanaan program TVET.

13. Bagi mencontohi model program TVET di dalam industri elektrikal dan elektronik yang diterajui syarikat seperti Intel, Motorola dan Inari berjaya di Penang, kerajaan telah menamakan beberapa syarikat peneraju di kalangan GLC untuk mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi TVET bagi menyediakan program latihan yang memenuhi kemahiran mereka. Nama MRCB telah disebut di dalam ucapan Bajet 2023 sebagai peneraju kerjasama TVET bagi sektor pembinaan.
14. Pendekatan baru ini diambil bagi memastikan sumber kerajaan digunakan dengan lebih efektif dalam menghasilkan graduan TVET yang memenuhi keperluan industri.

### **Perihal MoU**

15. Oleh yang demikian, memorandum persefahaman yang bakal ditandatangani pada hari ini di antara CIDB Holdings dan MRCB merupakan langkah pertama dalam merealisasikan hasrat kerajaan dalam memberi peluang kerjaya yang lebih mantap kepada graduan TVET dan pada masa yang sama menyediakan tenaga kerja mahir yang menepati keperluan industri.
16. Saya ingin menggesa penggiat industri pembinaan yang lain juga tampil memberi kerjasama dalam menyediakan latihan yang menepati keperluan mereka menggunakan kemudahan institusi-institusi latihan seperti Akademi Binaan Malaysia (ABM). MOU ini

merupakan inisiatif awal Kementerian, CIDB dan MRCB bagi mendokong hasrat sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Bajet 2023. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia akan menandatangani Perjanjian Perkongsian atau MOC bersama pihak MRCB dan lain-lain penggiat industri serta syarikat bertaraf GLC dalam masa terdekat sebagai tambahan kepada 10 syarikat awal yang telah menandatangani MOC tersebut pada 16 Mac 2023.

17. Di masa akan datang saya ingin melihat bukan sahaja jumlah belia yang dilatih di ABM itu bertambah, malah jumlah yang berjaya diserap di dalam industri dan menyumbang kepada pembangunan negara juga bertambah.
18. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada CIDB dan MRCB dalam memeterai kerjasama yang amat bermakna pada hari ini.
19. Semoga kerjasama ini berjaya membawa hasil yang diingini dan akan memberi aspirasi kepada pemain industri yang lain untuk turut bersama dalam menjayakan aspirasi kerajaan kearah memartabatkan TVET Pembinaan.

Sekian, Terima kasih.